



Kuasakan pengajaran dan pembelajaran dengan Chromebook dan Peningkatan Pendidikan Chrome

Untuk membantu pelajar dan pendidik berkembang maju, sekolah memerlukan peranti fleksibel yang mudah digunakan dan disenggara, sekali gus memberikan nilai jangka panjang.



Chromebook adalah peranti ringkas yang berkuasa dan direka bentuk untuk tujuan pendidikan.

Banyak Chromebook disertakan dengan [Peningkatan Pendidikan Chrome](#) untuk memberikan kawalan keselamatan dan pengurusan lanjutan kepada sekolah.



Dapatkan lebih banyak nilai dengan Chromebook dan Peningkatan Pendidikan Chrome



Sistem Pengendalian

ChromeOS ialah sistem pengendalian berasaskan awan yang moden dan selamat daripada Google yang memperkasakan setiap Chromebook untuk memastikan peranti sedia digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan peranti

Peningkatan Pendidikan Chrome direka bentuk untuk membantu pasukan IT anda mengurus 10 atau 10,000 Chromebook dengan mudah. Lesen ini membolehkan pentadbir memeribadikan tetapan dan dasar peranti menerusi konsol berasaskan awan yang ringkas. Dengan pengurusan terurus, guru dapat memfokus pada pengajaran manakala pelajar dapat memfokus pada pembelajaran.

Manfaatkan teknologi pendidikan anda dengan sepenuhnya

\$ Berbaloi

Chromebook – peranti pendidikan K-12 yang paling laris di seluruh dunia – menawarkan nilai yang tinggi dan jangka hayat yang lebih panjang untuk kos yang dibelanjakan, manakala Peningkatan Pendidikan Chrome membantu kakitangan IT menjimatkan masa dan kos yang berkaitan.

▫ Fleksibel

Chromebook dapat dikongsi dengan pelajar merentas subjek dan tahap gred – justeru membantu pelajar dalam pelbagai peringkat pembelajaran mempelajari kemahiran teknikal yang penting.

✓ Selamat

Chromebook adalah selamat sebaik sahaja dikeluarkan dari kotak dengan perlindungan terbina dalam seperti but disahkan dan kemaskinian automatik. Peningkatan Pendidikan Chrome mempertingkatkan ciri ini dengan tahap kawalan yang lebih tinggi terhadap keselamatan peranti.

↔ Mudah diurus

Tidak kira jumlah Chromebook yang anda miliki dalam kumpulan peranti sekolah, Peningkatan Pendidikan Chrome memudahkan anda mengurus semua peranti daripada konsol Pentadbir Google berpusat.

Manfaatkan belanjawan anda sepenuhnya dengan Chromebook



Sekolah boleh membeli, mengerah tugas dan mengendalikan Chromebook dengan pengurangan kos sebanyak **57%** dalam tempoh tiga tahun.*



Chromebook yang digandingkan dengan Peningkatan Pendidikan Chrome menawarkan manfaat dan penjimatan yang banyak untuk sekolah anda.

Dengan Peningkatan Pendidikan Chrome, pentadbir IT boleh mengurus peranti secara lebih mudah dengan:

 **Tahap kawalan lebih tinggi**

Dapatkan tahap kawalan yang lebih tinggi terhadap semua peranti anda untuk memastikan keselamatan persekitaran pembelajaran anda dengan keupayaan menyediakan maksimum 1,000 dasar peranti.

 **Keselamatan dipertingkatkan**

Gunakan tetapan keselamatan dan perlindungan data lanjutan untuk membantu anda melindungi data dan peranti anda.

 **Keupayaan pengurusan dari jauh**

Urus seluruh kumpulan peranti anda daripada konsol Pentadbir Google anda – malah pada peranti mudah alih anda dari lokasi yang jauh.

 **Lebih banyak kefleksibelan**

Gunakan peranti untuk membuat ujian dengan mod berkunci dalam Google Forms dan mod kios pada Chromebook.



Menjimatkan masa

Peningkatan Pendidikan Chrome membolehkan anda melapangkan masa pentadbir IT anda yang bernilai. Kerah tugas peranti ChromeOS adalah 76% lebih pantas daripada peranti Windows.**



Jangka hayat lebih panjang

Chromebook menampilkan jangka hayat yang lebih panjang daripada biasa. Selain itu, peranti ini menerima kemaskinian automatik selama 10 tahun agar lebih selamat.



Binaan tahan lama

Dibina agar tahan lama daripada haus dan lusuh disebabkan oleh penggunaan dalam bidang pendidikan selama bertahun-tahun, kebanyakan Chromebook menampilkan papan kekunci kalis tumpahan dan Gorilla® Glass tahan calar.

Manfaatkan belanjawan anda lagi dengan sokongan tambahan bagi kerah tugas dan latihan



Apabila anda melabur dalam **Chromebooks dengan Peningkatan Pendidikan Chrome, Google Workspace for Education Plus, atau ChromeOS Flex dengan Peningkatan Pendidikan Chrome**, anda mungkin layak menerima tawaran perkhidmatan ini tanpa kos:

 Kerah tugas Chrome

 Latihan pendidik

 Kerah tugas Google Workspace

 Analitis data

Sumber:

*IDC, The Economic Value of Chromebooks for Education

** ESG Technical Review, Google ChromeOS

[Ketahui lebih lanjut tentang tawaran ini](#) 

Wujudkan pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dengan Chromebook



Mengajar, belajar dan berhubung melalui cara yang serba baharu dengan apl terbina dalam dan alatan kerjasama Chromebook.



Edxis E-Lite Chromebook



Centerm Chromebook M610



CTL Chromebook PX11E

New 2024

Dibuat khusus untuk pembelajaran setiap hari

- Chromebook dilengkapi alatan Google for Education bagi pembelajaran setiap hari seperti Google Classroom, alatan kerjasama seperti Docs, Sheets dan Slides di samping apl yang memupuk kreativiti seperti Screencast.

Tahukah anda?

Latihan menggunakan papan kekunci yang awal dan konsisten boleh memberikan kesan positif kepada prestasi dan markah ujian pelajar dalam penilaian berdasarkan komputer.*

Pastikan pendidikan berterusan – walaupun luar talian atau dengan kesambungan yang lemah

Pelajar dan guru dapat meneruskan pengajaran dan pembelajaran menggunakan mod luar talian pada Chromebook mereka:

- Membaca dan menulis e-mel dalam Gmail
- Mencatat nota dalam Google Keep
- Membuat tugas dalam Google Docs, Sheets dan Drive




Sumber:

* [Learning.com, "The Importance of Keyboarding for Students"](#)

[Cari Chromebook yang sesuai untuk anda](#)



Chromebook adalah selamat sebaik sahaja dikeluarkan dari kotak



Tidak perlu membeli perisian antivirus

Chromebook dilengkapi perisian antivirus, maka pembelian daripada vendor keselamatan pihak ketiga tidak diperlukan.



Terima kemaskinian selama 10 tahun

Chromebook menerima kemaskinian automatik selama 10 tahun – lebih lama daripada mana-mana sistem pengendalian yang lain pada hari ini.



Serangan **perisian tebusan yang berjaya tidak pernah dilaporkan pada mana-mana peranti ChromeOS setakat ini**

ChromeOS ialah pertahanan terbaik untuk menentang perisian tebusan



But disahkan

Semasa permulaan, Chromebook melakukan pemeriksaan kendiri dan menjalankan pembaikan jika peranti itu mendapati sistem telah rosak dalam apa-apa juga cara.



Kemaskinian automatik

Chromebook mengurus kemaskinian secara automatik kerana cara yang paling berkesan untuk melindungi peranti daripada perisian hasad adalah dengan memastikan semua perisian adalah terkini.




Kotak pasir keselamatan

Pada Chromebook anda, setiap halaman web dan apl dijalankan dalam persekitaran yang terhad, maka jika anda mengakses halaman yang berbahaya, mesin anda tidak akan terjejas.



Penyulitan data automatik

Chromebook disulitkan menggunakan penyulitan 256 bit bagi setiap pengguna, maka ruang semua orang adalah unik, selamat dan tidak sekali-kali boleh diakses oleh pengguna lain.



Ketahui lebih lanjut pada
[Pusat Privasi & Keselamatan](#)



Kerah tugas, urus dan lindungi seluruh kumpulan peranti anda dengan Peningkatan Pendidikan Chrome

Dengan [Peningkatan Pendidikan Chrome](#), anda memberi pentadbir IT cara yang mudah untuk mengerah tugas, mengurus dan melindungi ratusan – malah ribuan – peranti.



Kuasa

Peningkatan Pendidikan Chrome menawarkan pelbagai kawalan yang berkuasa seperti kerah tugas tanpa sentuhan, pengurusan lesen apl yang diperkemas dan pelbagai lagi.



Keringkasan

Dengan Peningkatan Pendidikan Chrome, semua kawalan anda terletak pada satu tempat – konsol Pentadbir Google. Malah pentadbir boleh mengurus peranti terus daripada telefon mereka.



Skala

Dengan hanya satu klik butang, anda boleh menghantar kemaskinian yang terkawal atau memperuntukkan akses kepada apl merentas berbilang peranti.

Tahukah anda?

[Tawaran perkhidmatan Google for Education](#) boleh membantu anda memanfaatkan dasar peranti dan sokongan persediaan dengan sepenuhnya.



Perlindungan bagi peranti yang hilang dengan Peningkatan Pendidikan Chrome

Jika Chromebook hilang atau dicuri, beri pentadbir keupayaan mengunci atau menghapuskan data peranti dari jauh. Mereka juga boleh memaparkan mesej diperbadikan pada Chromebook.



Akses kepada sokongan sepanjang masa


Dapatkan bantuan penyelesaian masalah ChromeOS dengan menghubungi Google pada bila-bila masa masalah teknikal timbul – tanpa sebarang kos tambahan.



Sebelum [Peningkatan Pendidikan Chrome], dahulu kami menggunakan [platform lain] untuk berkongsi komputer. Walau bagaimanapun, kami menerima maklum balas daripada pasukan rangkaian yang mengatakan bahawa mereka mengalami kesukaran menggunakan alat tersebut.”

Penguasa IT

K-12



Ketahui lebih lanjut tentang
[Peningkatan Pendidikan Chrome](#)






Pertingkatkan pengalaman pelajar dengan Chromebook di dalam bilik darjah anda




Penilaian pelajar yang selamat dengan mod kios

Dayakan [mod kios](#) untuk mengubah Chromebook menjadi platform yang selamat untuk penilaian pelajar supaya pelajar dapat memberikan fokus dan usaha yang terbaik dalam persekitaran yang boleh dipercayai tanpa gangguan. Ketika peperiksaan berlangsung, anda boleh melumpuhkan akses pelajar kepada web dan storan luaran serta menghalang mereka daripada mengambil tangkapan skrin dan membuat cetakan.



Galakkan kreativiti dengan Screencast

Gunakan apl [Screencast](#) yang terbina dalam pada Chromebook yang membolehkan pelajar mengungkapkan idea mereka untuk pembentangan atau laporan dengan membuat pengisahan, rakaman, pengeditan dan animasi video mereka sendiri.



[Cari Chromebook yang sesuai untuk anda](#)

